

UNIT PELANCONGAN
MAJLIS DAERAH KUBANG PASU

LAPORAN
MALAYSIA BORDER BIKE MEETS
2017

TARIKH:

09 DISEMBER 2017

TEMPAT:

KOMPLEKS DARUL QIYYAM,
BUKIT KAYU HITAM

ANJURAN:

MAJLIS DAERAH KUBANG PASU

1. PENGENALAN

Program “Malaysia Border Bike Meets 2017” merupakan salah satu slot di ‘Festival Bukit Kayu Hitam @Darul Qiyam’. Ia diadakan bagi mempromosikan dan menarik minat masyarakat Malaysia terutamanya masyarakat setempat untuk mengunjungi Kompleks Darul Qiyam. Program ini diadakan dengan kerjasama Jerlun Bikers Ride Club.

2. LATAR BELAKANG

Program “Malaysia Border Bike Meets 2017” ini telah diadakan pada 09 Disember 2017 di Kompleks Darul Qiyam, Bukit Kayu Hitam. Terdapat 300 orang peserta telah menyertai program ini. Antaranya daripada negeri Pulau Pinang, Perlis dan Kedah terutamanya. Matlamat aktiviti adalah untuk memperkenalkan Kompleks Darul Qiyam kepada masyarakat setempat dan luar kawasan. Kaedah pelaksanaan program adalah daripada jawatankuasa yang telah dilantik. Pihak penganjur telah membekalkan t-shirt, stiker dan cabutan bertuah kepada semua peserta yang terlibat. Antara aktiviti lain yang turut diadakan adalah program derma darah, dan pertandingan suara burung, persembahan Kak Nab Drummer dan pementasan Mek Mulung.

3. HURAIAN PENILAIAN

Para peserta memberikan komen yang positif terhadap program ini. Diharap program ini akan menjadi acara tahunan pada masa akan datang.

4. PENCAPAIAN AKTIVITI

Melalui program yang diadakan ini dapatlah kita memperkenalkan Kompleks Darul Qiyam kepada masyarakat setempat dan antarabangsa.

5. KEMAJUAN / MASALAH

- 5.1 Gaya hidup sihat
- 5.2 Kebersihan kawasan
- 5.3 Menerap kerjasama daripada semua pihak
- 5.4 Meningkatkan sosioekonomi penduduk setempat

6. CADANGAN

- 6.1 Kawasan sekitar perlu dijaga dan diselenggara
- 6.2 Mempelbagaikan aktiviti

7. GAMBAR AKTIVITI



Ucapan oleh Pegawai Penyelaras Program



Ucapan oleh wakil JBRC05



Wakil kelab menerima sijil penyertaan



Persembahan Kak Nab Drummer



Antara bike yang terlibat



MDKP + JBRC05 = MBBM17